

Newspaper

Sinar Harian

Date

5 March 2016

Kami hadir sebagai rakyat: Tun M

Sinar Harian - 5/3/2016

■ ASYRAF MUHAMAD & SITI
ZUBAIDAH MAT ISA

KUALA LUMPUR

"Kehadiran pemimpin parti dan NGO pada Majlis Deklarasi Anti Najib adalah atas kapasiti rakyat dan tidak mewakili mana-mana parti politik," kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Mahathir, tujuan majlis deklarasi adalah bagi mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melepaskan jawatannya selepas terpalit beberapa skandal.

"Kami sebagai warga Malaysia ingin menyatakan kebimbangan terhadap keadaan politik, ekonomi dan sosial dalam negara yang semakin teruk pada masa kini.

"Kami di sini disebabkan kebimbangan terhadap masa depan negara dan bagaima-



Majlis menandatangani Deklarasi Menuntut Penyingkiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak disusuli sidang media Tun Mahathir di Rumah Persatuan Alumni Universiti Malaya. Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

na untuk menurunkan Najib," katanya di Rumah Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya, semalam.

Beliau berkata, pihaknya tidak berkempen bagi me-

lawan Umno, namun bertujuan mendesak Najib melepaskan jawatan dipegangnya.

"Pelbagai kesan ditanggung negara ini ketika di bawah pentadbiran beliau," katanya.

Dalam pada itu, Mahathir memaklumkan deklarasi rakyat bagi mendesak Najib melepas jawatan melalui saluran aman dan mengikut undang-undang dibenarkan serta me-

nyingkirkan semua pihak bersekongkol dengannya.

Mahathir berkata, deklarasi mendesak pemansuhan semua undang-undang dan perjanjian baru yang melanggar hak

asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan dan melemahkan polisi terpilih.

"Akhir sekali, deklarasi ini menggesa pemulihan integriti institusi dilemahkan seperti polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Bank Negara dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)," katanya.

Sementara itu, Mahathir berkata, siapa pengganti Najib sebagai perdana menteri tidak penting.

"Soal itu kita tidak bincangkan, tetapi kita fokus soal ini sahaja (singkir Najib). Soal DAP hendak jadi perdana menteri itu, soal kedua.

"Kita akan ada pilihan raya yang bebas dari penipuan. Tetapi terpulang kepada rakyat hendak memilih siapa jadi perdana menteri. Jika rakyat pilih DAP sebagai perdana menteri, itu hak rakyat," katanya.